

Headline **Telefon bimbit perangi Aids**
Date **10 Mar 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V2**
Article Size **99 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **975**
PRValue **2,924**



Telefon bimbit perangi Aids

TELEFON bimbit kini mampu dijadikan senjata, bukan untuk membunuh di medan perang, tetapi menentang penularan virus HIV di Afrika.

Menurut Pengarah Eksekutif Agensi Bangsa Bersatu bagi Aids, Michel Sidibe, berkata teknologi baru memainkan peranan penting menangani dalam benua yang tidak mempunyai prasarana mencukupi dan pusat perubatan tidak lengkap.

"Prasarana tidak mencukupi bukan masalah besar kerana ia bukan satu-satunya alasan untuk menentang HIV," katanya.

Beliau memuji langkah kebanyakan operator telekomunikasi di Nigeria yang menawarkan khidmat panggilan

kaunseling bagi mengekang penyebaran wabak Aids di negara itu secara percuma.

"Ia satu inisiatif baik kerana kaunselor tidak perlu ke pusat yang dikhaskan untuk memberikan perkhidmatan," kata Sidibe.

Katanya, menerusi komunikasi secara percuma dan nasihat berkualiti membantu kaunselor membuat keputusan dengan baik apatah lagi dengan latihan intensif berupaya menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkesan.

"Benua Afrika mempunyai antara pengguna paling ramai yang memiliki telefon bimbit dan ia patut dieksploitasi sebaik mungkin," katanya.

Nigeria memiliki 70 juta pelanggan telefon bimbit dengan nisbah satu talian untuk setiap dua penduduk.

Projek percubaan kini dijalankan di Kaduna dan Ondo. Pekerja kampung dilatih untuk mengenal pasti tanda awal wabak itu sebelum menghubungi pekerja perubatan bagi mendapatkan diagnosis dan preskripsi melalui telefon.

"Pekerja komuniti akan memantau keadaan penduduk sambil dilengkapi telefon bimbit yang disambungkan ke pusat perubatan terdekat," kata Sidibe.

Nigeria adalah dalam benua Afrika yang mencatatkan kadar jangkitan HIV tertinggi dengan kadar 67 peratus.